

## TELITI SEBELUM SEBAR

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,**

Komunikasi adalah salah satu keperluan manusia untuk berkongsi dan berhubung di antara satu sama lain. Namun dalam berkomunikasi, kita hendaklah berpandukan kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah yang merupakan rujukan tertinggi umat Islam. Sesuai dengan peredaran zaman masa kini, kita mendapati media sosial seperti *whatsapp, telegram, twitter, facebook, instagram* dan lain-lain lagi menjadi nadi kepada sebaran sesuatu maklumat.

Namun apa yang berlaku pada hari ini, terdapat segelintir individu dan golongan tertentu menggunakan media sosial ini sebagai medan untuk menabur fitnah dan berniat jahat dengan mencipta sesuatu perkara yang tidak benar. Lebih menyedihkan, apabila berita sedemikian diterima, ada dalam kalangan kita terus menyebarkan kepada orang lain tanpa memikirkan dan menyelidiki tentang kesahihan berita tersebut.

Sewajarnya, kita perlu mengambil pendekatan *Tabayyun* iaitu menyelidiki dengan teliti, berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sesuatu peristiwa dan berita yang datang, sehingga kita mengetahui kesahihan perkara yang disampaikan. Firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Hujurat, ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ

فَتُصِيبُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Konsep *Tabayyun* atau teliti juga mengajar kita supaya tidak mendakwa atau memperkatakan sesuatu kecuali yang benar dan memahami bahawa mereka-reka sesuatu yang tidak benar itu adalah tanda munafiq. Kita hendaklah memastikan berita tersebut sahih dari sumber sebenarnya dan barulah boleh dikongsi. Tidak

salah untuk kita mengesyaki sesuatu berita kerana dapat menjauhi fitnah dan dosa. Ingatlah! mungkin terdapat individu yang difitnah, dihina dan dicaci, kerana sesuatu berita yang disebarkan tidak benar. Sabda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Yang bermaksud: "Cukuplah seseorang dianggap pembohong dia menyampaikan semua apa yang pernah dia dengar."

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,**

Isu keselamatan amat penting apatah lagi jika ia melibatkan maruah dan nyawa akibat berlakunya kebocoran maklumat kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebagai pengguna media sosial, kita mesti tahu bahawa ada sesetengah perkara boleh dikongsi dan ada yang perlu dirahsiakan. Jika tidak, ia boleh menjejaskan keluarga, organisasi, agama dan negara. Lantaran itu, sepertimana kita menjaga adab sesama kita di alam nyata begitu jugalah kita wajib menjaga adab di laman sosial agar seiring dengan tuntutan agama. Firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Hujurat, ayat 11:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا

نِسَاءٌ مِّنْ نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ

بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik), maka amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang yang zalim.*

Janganlah sekali-kali kita merendahkan, mengejek, membuka keaiban dan menghina orang lain di laman sosial kerana perbuatan tersebut ditegah dalam agama Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Yang bermaksud: *"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, hendaklah dia berkata baik atau diam."*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sentiasa bermuhasabah dan menginsafi segala kekurangan dan kelemahan kita sepanjang menggunakan media sosial. Ingatlah, segala perbuatan dan tingkah laku kita akan disoal dan

dipertanggungjawabkan kelak. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Israk, ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ

عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: "Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ